



INI kali mesti kena pada sasarannya! begitulah agaknya kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sambil melontarkan alat besi kecil di salah sebuah gerai permainan di Syarikat Tractors Malaysia di Petaling Jaya semalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir sebelum itu merasmikan perayaan Jubli Emas syarikat tersebut yang dihadiri oleh ratusan tamu, termasuk Tun Tan Siew Sin, Pengerusi Kumpulan Sime Darby. — Gambar Berita Harian.

## Mahathir syorkan syarikat2 keluarga disusun semula

PETALING JAYA, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan supaya syarikat-syarikat yang dikedalikan secara keluarga disusun semula menjadi syarikat-syarikat milik orang ramai.

Berucap melancarkan perayaan jubli emas Tractors Malaysia Berhad (TMB) di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri itu menambah, dengan cara ini syarikat-syarikat tersebut akan dapat kekal lebih lama lagi.

Bellau berkata, kebanyakan syarikat yang dikedalikan secara keluarga di negara ini biasanya tidak panjang umurnya.

Katanya, kebanyakannya ditutup apabila saja penajanya tidak ada lagi. Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri perdagangan dan Perindustrian menambah, dengan menjadikan

syarikat tersebut milik orang ramai, ia akan dapat menjadi lebih moden dan mengambil tenaga-tenaga profesional untuk menguruskan syarikat tersebut.

Menyentuh tentang peranan TMB, bellau berkata, jentera-jentera tolak dan korek tanah telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara ini.

Timbalan Perdana Menteri mengingatkan bahawa kejayaan yang telah dicapai oleh syarikat-syarikat besar seperti TMB adalah dengan sebab wujudnya kestabilan politik dan ekonomi di negara ini.

Bellau menggesa supaya harga bagi jentera tolak dan jenkorek dikurangkan bagi menggalakkan pembangunan negara yang lebih pesat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata bellau tidak faham mengapa harga jentera tolak dan jenkorek seperti tractors tidak pernah turun.

Katanya, para pengimportnya memberikan

sebab bahawa tractors yang dibuat di Jepun telah naik harganya kerana nilai yen telah naik.

Bagaimanapun, sekiranya tractors itu dibuat di negara-negara yang matawangnya telah merosot, seperti Amerika Syarikat, "kita masih lagi melihat harga jentera tersebut tidak diturunkan selaras dengannya," tambahnya. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia